

Ahli ekonomi dunia puji wacana ilmu, kepemimpinan Malaysia



Oleh Prof Dr Ahmad Martadha Mohamed

bhrencana@bh.com.my

Naib Canselor
Universiti Utara
Malaysia (UUM)

Forum Ilmuwan Malaysia MADANI (FIM) Siri Ke-9 di Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT), Putrajaya muncul antara wacana dasar paling merangsang pemikiran dan paling terbuka pernah dianjurkan di negara ini.

Forum itu dikendalikan sendiri Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim dan menampilkan ahli ekonomi serta intelektual awam terkemuka dunia, Prof Jeffrey D Sachs sebagai panelis utama.

Tema forum, *Strategies for Malaysia and ASEAN in an Era of Global Instability* mencerminkan kegelisahan besar sedang melanda dunia hari ini: persaingan geopolitik semakin memuncak, kerapuhan sistem ekonomi global serta perubahan teknologi begitu pantas dan mengganggu struktur masyarakat.

Apa yang berlangsung di Dewan Za'ba petang itu bukan sekadar dialog dasar biasa, tetapi pertukaran pemikiran jarang berlaku dicirikan kejujuran, keberanian moral dan renungan mendalam terhadap keadaan sistem antarabangsa masa kini.

Forum dimulakan dengan ucapan alu-aluan tuan rumah, Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Dr Zambry Abd Kadir, yang menekankan kepentingan wacana intelektual berterusan antara sarjana dengan pembuat dasar dalam menghadapi persekitaran global semakin tidak menentu.

Dalam ucapannya, beliau menjelaskan FIM diwujudkan untuk memperkukuh tradisi keilmuan menerusi perbincangan mendalam mengenai persoalan kompleks yang membentuk dunia masa kini.

Beliau turut menyatakan dunia sedang mengalami perubahan besar didorong ketegangan geopolitik, tekanan ekonomi dan gangguan teknologi. Seperti dinyatakannya: "FIM menghimpunkan sarjana, pembuat dasar dan pemikir untuk merenung persoalan membentuk zaman kita dan hari ini kita bertemu pada saat persekitaran global menjadi semakin tidak menentu."

Beliau menegaskan perkembangan ini menimbulkan persoalan strategik penting bukan sahaja kepada Malaysia, bahkan seluruh rantau Asia Tenggara: "Bagaimana kita harus bertindak dalam era ketidakstabilan global? Bagaimana ASEAN boleh mengemudi perubahan ini dengan jelas dan penuh keyakinan?"

"Untuk membincangkan persoalan ini, kami amat berbesar hati untuk mengalu-alukan Prof Sachs ke FIM. Beliau diiktiraf secara meluas sebagai antara ahli ekonomi dan intelektual awam paling berpengaruh di dunia melalui puluhan tahun penyelidikan dan pembabitian dasar yang membentuk perbincangan global mengenai pembangunan mampan, pembasmian kemiskinan, tadbir urus ekonomi global dan kerjasama antarabangsa."

Ucapan itu membuka tirai kepada satu perbincangan sangat terang dan sarat dengan pemikiran mendalam mengenai keadaan dunia serta tanggungjawab kepemimpinan politik.

Perdana Menteri yang bertindak sebagai moderator memulakan dialog dengan renungan tegas mengenai perang sedang berlaku di Asia Barat. Beliau menggambarkan konflik itu sebagai perang dikenakan ke atas sebuah negara berdaulat dan memberi amaran pencerobohan terhadap Iran sudahpun mencetuskan implikasi geopolitik dan ekonomi serius jauh melangkaui rantau berkenaan.

Perdana Menteri mengesahkan keganasan berlaku dan menegaskan keperluan melaksanakan un-

dang-undang antarabangsa secara konsisten. Beliau memberi peringatan apabila prinsip berkenaan digunakan secara terpilih, ia akan kehilangan kewibawaannya, seterusnya menjejaskan kredibiliti keseluruhan sistem antarabangsa.

Malaysia, tegas beliau, akan terus berdiri teguh mempertahankan keadilan, maruah kemanusiaan dan kedaulatan undang-undang.

Sachs kemudian memberikan respons amat terang dan tanpa kompromi. Beliau secara terbuka mengkritik pencerobohan Israel dan Amerika Syarikat (AS) terhadap Iran, sambil menegaskan tindakan berkenaan sama sekali tidak mempunyai asas, mengancam kestabilan global dan berpotensi mencetuskan krisis ekonomi lebih luas.

Menurut beliau, perang itu sebenarnya boleh dihentikan sekiranya negara utama dunia secara bersama menyatakan tindakan pencerobohan terbabit melanggar undang-undang antarabangsa.

Beliau juga melahirkan kesal terhadap sikap berdiam diri banyak kerajaan, termasuk beberapa negara Arab, yang menurutnya gagal mengutuk tindakan pencerobohan asal, sebaliknya lebih cenderung mengkritik tindakan balas Iran terhadap pangkalan tentera AS di wilayah mereka.

Keengganan menyatakan kebenaran ini, menurut beliau, mencerminkan budaya ketakutan dan bergantung geopolitik semakin menebal dalam politik antarabangsa.

Apa yang amat membimbangkan bagi Sachs, ialah ketidakupayaan institusi global seperti Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) mengekang kuasa besar. Sistem antarabangsa sering lumpuh apabila pakatan geopolitik menghalang kecaman jujur terhadap sesuatu kesalahan.

Kagumi budaya intelektual Malaysia

Namun, di sebalik kritikan tajam beliau terhadap politik kuasa dunia, aspek paling menonjol dalam ucapan Sachs ialah pujian luar biasa beliau berikan kepada Malaysia dan kepemimpinannya.

Berpaling kepada Perdana Menteri, Sachs menyatakan kekaguman mendalam terhadap keberanian dan kejelasan moral ditunjukkan Anwar: *Mr Prime Minister, thank you for those important, clear, trenchant and truthful words, for which we are all extraordinarily grateful. If more world leaders spoke as you do, we would have peace.*

Beliau turut menegaskan betapa jarangnyanya kejujuran sebegitu dalam politik antarabangsa hari ini: "Inilah cabaran terbesar kita: Kita terlalu sukar berkata benar dalam dunia hari ini. Seolah-olah kuasa keras dan kejam menjadikannya amat sukar, bahkan kepada pemimpin negara sekalipun untuk berbicara dengan jelas dan jujur seperti yang baru

sahaja ditunjukkan Perdana Menteri.

Kenyataan itu membawa makna besar memandangkan ia datang daripada sarjana dihormati pada peringkat antarabangsa dan berpuluh tahun menasihati kerajaan serta organisasi global.

Sachs juga menyatakan kekaguman mendalam terhadap budaya intelektual Malaysia serta kesediaan kepemimpinan negara menganjurkan forum terbuka yang menghimpunkan sarjana, pembuat dasar dan pemimpin masyarakat sivil bagi bertukar-tukar pandangan secara bebas.

"Izinkan saya menyatakan betapa besarnya penghormatan untuk berada di sini. Amat menginspirasi apabila Malaysia menjadi tuan rumah kepada acara seperti ini yang membuka ruang kepada wacana intelektual dan perbincangan terbuka dalam kalangan pemimpin kerajaan, pemimpin masyarakat sivil dan penjawat awam untuk bertukar pandangan serta merangka penyelesaian. Tiada yang lebih penting dan tiada lebih menginspirasi daripada ini."

Dalam perbandingan sangat ketara, beliau menggambarkan keadaan semakin terpisah dan terkecang dalam persekitaran intelektual di negaranya sendiri: "Di negara saya, kami tidak mempunyai semua ini. Kami tidak lagi mempunyai wacana atau perbincangan bermakna. Sebaliknya, kami hanya berkomunikasi melalui hantaran media sosial itu sahaja. Jika anda menyatakan sesuatu bertenangan, keadaannya tidak semudah itu. Peruntukan universiti dipotong dan tindak balas pantas datang. Ia persekitaran sangat keras."

Mendengar kata-kata itu, saya berasa amat terharu. Sebagai seorang Naib Canselor, mendengar pujian begitu tinggi terhadap budaya intelektual dan kepemimpinan Malaysia daripada seorang sarjana bertaraf dunia seperti Sachs, amat membanggakan dan memberi inspirasi.

Kata-kata beliau jelas mencerminkan pengiktirafan tulus terhadap keterbukaan intelektual serta budaya wacana ilmiah serius sedang diusahakan Malaysia melalui inisiatif seperti FIM. Kejayaan ini terhasil daripada visi dan komitmen Perdana Menteri serta Menteri Pendidikan Tinggi yang secara konsisten menekankan kepentingan dialog keilmuan dalam membentuk pemikiran dasar negara dan rantau ini.

Bukan setiap hari seorang sarjana global sangat dihormati berbicara dengan begitu jujur dan penuh penghargaan mengenai negara kita. Pengiktirafan sebegini di pentas antarabangsa bukan sahaja jarang berlaku, malah amat bermakna kerana mencerminkan penghormatan semakin meninggi terhadap peranan Malaysia sebagai pusat wacana intelektual dan kepemimpinan berprinsip.



Anwar dan Sachs pada Forum Ilmuwan Malaysia MADANI Siri Ke-9 di Kementerian Pendidikan Tinggi, Putrajaya.

(Foto Mohd Fadli Hamzah/BH)